

# Adenan dipilih Tokoh Maal Hijrah

■ Yakin kesederhanaan bawa kejayaan dalam penyebaran dakwah Islam

UB 16.11.2012 A3

Oleh SURAIYAH ROSLAN  
hadieydh18@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Menyebarkan dakwah Islam secara bersederhana membolehkan Haji Adenan Mohd Yusuf, 74, muncul sebagai penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1434H/2012, semasa Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah peringkat Negeri Sabah, di sini kelmarin.

Adenan yang pernah terlibat dalam kegiatan pengislaman beramai-ramai berkata, kesederhanaan penting dalam penyebaran agama Islam dan itulah yang menjadi pegangan beliau sejak aktif menjalankan kegiatan dakwah pada usia mudanya.

Mengimbau kembali zaman mudanya, beliau menganggap ia sebagai satu pengalaman yang paling berharga apabila beliau terlibat dalam aktiviti penyebaran dakwah yang membawa kepada pengislaman beramai-ramai di beberapa kawasan.

Pengalaman tidur dan berhemah di kampung-kampung di pedalaman hanya untuk menyebarkan aktiviti dakwah Islam sangat bernilai buat dirinya.

"Kami hanya tidur di dalam khemah untuk berkampung di sesuatu kawasan bagi menyebarkan dakwah Islam.

"Alhamdulillah, usaha murni kami pada waktu itu berhasil apabila berlakunya pengislaman secara beramai-ramai di Kota Marudu, Kudat dan Pitas, yang melibatkan kira-kira 4,000 orang pada tahun 1980an," kata Adenan apabila berkongsi pengalaman mengenai sumbangan beliau terhadap penyebaran dakwah Islamiah di negeri ini.

Ayah kepada lima orang anak ini dilahirkan di Lahad Datu pada 25 Disember 1938 dan pernah mendapat pendidikan di Britain.

Beliau juga pernah mengeluarkan buku mengenai panduan mengerjakan umrah yang berjudul Haji Tamattu' Umrah pada 1996.

Antara cabaran yang paling besar pernah beliau tempuh sepanjang penglibatan beliau dalam kerja-kerja berdakwah dan sebagai seorang kakitangan awam adalah beliau pernah dibekukan tugas atas sebab tertentu selama enam tahun.

Antara sumbangan besar beliau dalam pembangunan dakwah Islamiah, ekonomi dan sosial semasa berkhidmat sebagai penjawat awam termasuklah menjadi perintis awal kepada pembukaan sekolah agama di daerah Pitas, mengusahakan pembinaan masjid-masjid daerah seperti di Keningau, Beaufort, Kundasang dan Tenom.

Adenan juga aktif dalam kegiatan motivasi bagi masyarakat untuk berubah melalui program tanaman kontan, ternakan ikan air tawar besar-besaran, memberi ceramah dan terlibat dalam usaha membuka klinik Islam dan khidmat klinik bergerak di daerah Tenom.

Selain sumbangan besar beliau dalam berdakwah, beliau juga pernah aktif dalam berpersatuan antaranya beliau pernah menjadi Pengurus Badan Bahasa (1973), Pengurus Persatuan Belia Sabah cawangan Lahad Datu (1973), Pengurus Badan Dakwah daerah Pitas (1978-1981) dan Pengurus Badan Dakwah daerah Tenom (1982-1985) dan kini merupakan seorang usahawan yang berjaya.

Beliau turut melahirkan rasa kesyukuran di atas anugerah yang diberi kerana ada juga pihak yang menghargai segala sumbangan dan khidmat bakti beliau dalam penyebaran dakwah Islam.

Adenan menerima wang tunai bernilai RM15,000 dan beberapa hadiah ringan sambungan kerajaan negeri.

Sementara itu, penerima Anugerah Sayyidatina Khadijah 1434H/2012 Profesor Madya Dr Hajah Arsiah Haji Bahron, 49, berkata beliau masih tidak menyangka akan menerima anugerah itu kerana sumbangan beliau yang masih lagi sedikit.

Beliau pernah melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda Sains di Universiti South Carolina, Amerika Syarikat (1981-1985), Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di

Universiti Kebangsaan Malaysia dan memperoleh Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan pada tahun 2006.

Arsiah kini brtugas sebagai Pensyarah dan Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi di Universiti Malaysia Sabah.

Beliau banyak terlibat dalam bidang pendidikan, kebajikan, keagamaan, wanita dan kemasyarakatan.

Beliau juga aktif berpersatuan antara lainnya adalah terlibat dalam Persatuan Pergerakan Pelajar Islam Sabah cawangan Tawau, Ketua Biro Hal Ehwal Wanita Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Arsiah berkata, cabaran buat beliau adalah untuk membahagikan masa antara keluarga, kerjaya dan aktiviti sukarelawan.

"Kita perlu pandai memberi keutamaan yang mana lebih penting. Keutamaan itu perlu disusun dengan baik kerana saya

tidak mahu mengabaikan keluarga kerana kerjaya dan aktiviti sukarelawan yang saya ceburi.

"Dalam melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelaan ini, kita perlu bijak mengatur masa agar tidak mengabaikan keluarga dan kerjaya," katanya.

Arsiah menerima wang tunai bernilai RM5,000 dana beberapa hadiah lain yang juga

disumbangkan oleh Kerajaan Negeri.

Adenan dan Arsiah adalah

ADENAN dan Arsiah menunjukkan anugerah yang diterima sempena sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Sabah.

antara 10 penerima anugerah sempena sambutan

Maal Hijrah

1434H/2012

peringkat Negeri Sabah.

Penerima

lain ialah

Ustaz Ali

Khairudin Haji Maarif yang menerima Anugerah Khalid Al-Valid; Nur Faten Izzati Rablin sebagai penerima Anugerah Fatimah Az-Zahr; dan Haji Arifin Sudin sebagai penerima Anugerah Abdul Rahman bin Auf.

Antara insitusi yang menerima anugerah adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) Sabah sebagai penerima Anugerah Khas/Pengiktirafan Khas; Surau Al-Hijrah Kg Brunei Laut, Membukat sebagai penerima Anugerah Surau Cemerlang bagi kategori Kariah; Surau SMK Tebobon, Menggatal sebagai penerima Anugerah Surau Cemerlang bagi kategori sekolah/Institusi Pengajian Tinggi; dan Anugerah Ar-Raudah diberikan kepada Taman Perkuburan Ar-Raudhatul Ulkuwwah Kg Tudan Baru Keningau.

Satulagi anugerah itu Anugerah Masjid Cemerlang, tiada masjid yang disenaraikan layak menerima anugerah berkenaan.



Ayah kepada lima orang anak ini dilahirkan di Lahad Datu pada 25 Disember 1938 dan pernah mendapat pendidikan di Britain. Beliau juga pernah mengeluarkan buku mengenai panduan mengerjakan umrah yang berjudul Haji Tamattu' Umrah pada 1996. Antara cabaran yang paling besar pernah beliau tempuh sepanjang penglibatan beliau dalam kerja-kerja berdakwah dan sebagai seorang kakitangan awam adalah beliau pernah dibekukan tugas atas sebab tertentu selama enam tahun.

Antara sumbangan besar beliau dalam pembangunan dakwah Islamiah, ekonomi dan sosial semasa berkhidmat sebagai penjawat awam termasuklah menjadi perintis awal kepada pembukaan sekolah agama di daerah Pitas, mengusahakan pembinaan masjid-masjid daerah seperti di Keningau, Beaufort, Kundasang dan Tenom.

Adenan juga aktif dalam kegiatan motivasi bagi masyarakat untuk berubah melalui program tanaman kontan, ternakan ikan air tawar besar-besaran, memberi ceramah dan terlibat dalam usaha membuka klinik Islam dan khidmat klinik bergerak di daerah Tenom.

Selain sumbangan besar beliau dalam berdakwah, beliau juga pernah aktif dalam berpersatuan antaranya beliau pernah menjadi Pengurus Badan Bahasa (1973), Pengurus Persatuan Belia Sabah cawangan Lahad Datu (1973), Pengurus Badan Dakwah daerah Pitas (1978-1981) dan Pengurus Badan Dakwah daerah Tenom (1982-1985) dan kini merupakan seorang usahawan yang berjaya.

Beliau turut melahirkan rasa kesyukuran di atas anugerah yang diberi kerana ada juga pihak yang menghargai segala sumbangan dan khidmat bakti beliau dalam penyebaran dakwah Islam.

Adenan menerima wang tunai bernilai RM15,000 dan beberapa hadiah ringan sambungan kerajaan negeri.

Sementara itu, penerima Anugerah Sayyidatina Khadijah 1434H/2012 Profesor Madya Dr Hajah Arsiah Haji Bahron, 49, berkata beliau masih tidak menyangka akan menerima anugerah itu kerana sumbangan beliau yang masih lagi sedikit.

Beliau pernah melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda Sains di Universiti South Carolina, Amerika Syarikat (1981-1985), Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan di